

CNS1742

R GB 17-05 00185 BA753

bah

Mahathir - Keretapi (Bergambar)

PM YAKIN KERETAPI MEWAHAKAN MENGGALAKKAN PELANCONGAN

I

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin perkhidmatan keretapi mewah, Eastern and Oriental (E&O) Express, yang menghubungkan tiga bandaraya di Asean -- Singapura, Kuala Lumpur dan Bangkok

-- akan menggalakkan lagi industri pelancongan negara.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, Perdana Menteri menyatakan kevakinan itu selepas beliau menyaksikan ketibaan keretapi mewah itu di Stesen Keretapi Kuala Lumpur di sini hari ini.

Ketika bercakap kepada pemberita, Dr Ling berkata, Dr Mahathir, yang gemar kepada keretapi, menyokong projek itu sejak perkara itu diberitahu kepadanya.

"Beliau dapat membayangkan bahawa projek ini akan menarik lebih ramai pelancong," kata Dr Ling. Dan Perdana Menteri begitu gembira apabila diberitahu tentang ketibaan keretapi dengan lima buah gerabak itu.

Katanya, Dr Mahathir amat kagum dengan keretapi E&O Express yang bernilai RM50 juta (AS20 juta) itu. Ia dimiliki dan dikendalikan oleh syarikat Malay-Siam Royal Mail (MSRM) yang beribu pejabat di Bermuda dan diuruskan oleh Venice-Simplon-Orient Express (VSOE) Ltd. -- Lagi.

17/05/13-05MST

CNS1762

R GB 17-05 00185 DA754

bah

Mahathir - Keretapi 2 Kuala Lumpur

Dr Ling berkata, perkhidmatan keretapi yang menguntungkan itu akan mula beroperasi pada 27 Jun ini dan dijangka menarik sebanyak 10,000 pelancong ke Malaysia setiap tahun.

Perjalanan selama 41 jam, meliputi penginapan dua malam dan sehari di atas keretapi yang mempunyai 22 koc itu, disediakan untuk pelancong kumpulan elit yang mampu membayar AS\$1,000 bagi perjalanan sehalu.

"Hotel mewah bergerak" itu, yang direka bagi menimbulkan suasana romantik dan mistik tahun 1930-an, boleh membawa 130 penumpang.

Keretapi itu juga dilengkapi dengan koc tempat tidur, dua koc tempat makan dan minum. sebuah koc khas untuk melihat pemandangan, butik, tempat menyimpan bagasi dan sekurang-kurangnya 40 kakitangan perkhidmatan.

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan menyediakan lokomotif bagi koc-koc ini mengikut jadual dua kali seminggu.

Dr Ling berkata, hiasan dalaman koc-koc itu, yang tiba lebih awal dari Singapura, telah disusun semula bagi menggambarkan kebudayaan Asia.

Beliau berkata, perjalanan keretapi dari Singapura ke Bangkok juga membolehkan penumpang berhenti di tempat-tempat perhentian yang strategik di Malaysia seperti Ipoh dan Pulau Pinang. -- Lagi.

▼17/05/13-43MST
CNS1810

R GB 17-05 00125 BH674

bah

Mahathir - Keretapi 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Ling berkata, Penerbangan Malaysia (MAS) juga akan membantu memperkenalkan perkhidmatan E&O Express, terutama pakej kelas pertamanya.

Ketua Pegawai Eksekutif VSOE, Nicholas Varian memberitahu pemberita bahawa 80 peratus penumpang keretapi itu ialah dari Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, dan Australia manakala bakinya ialah dari rantau ini.

Tambang akan berbeza mengikut jenis kabin dan akan meliputi makanan dan hiburan.

Katanya, keretapi itu akan memulakan operasi pada 19 Sept.

Antara yang mengiringi Perdana Menteri ialah Pengurus Besar KTMB, Datuk Abdul Rahim Osman dan Pengarah Urusan YTL Corporation Berhad, Datuk Francis Ycoh. YTL memiliki 32 peratus saham dalam perkhidmatan keretapi mewah ini.

-- Bernama

ES AHH ZU MIB

▼17/05/14-58MST